

14 AUG 1999

KERAJAAN KAJI CADANGAN HAKIM BOLEH DIDAKWA MENGHINA MAHKAMAH

KOTA BAHARU, 14 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji cadangan Majlis Peguam Malaysia (MPM) supaya digubal sebuah undang-undang penghinaan mahkamah yang antaranya membolehkan hakim turut disabitkan atas kesalahan itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Ibrahim Ali berkata sebagai sebuah kerajaan yang menjalankan dasar secara terbuka, cadangan itu akan diterima dan dikaji keberkesanannya.

"Bagaimanapun kerajaan bimbang kalau hakim turut dikenakan penghinaan mahkamah, mereka akan sukar melaksanakan perbicaraan dengan adil kerana hakim memerlukan kuasa mutlak untuk menjalankan tugas dengan lancar," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

"Kalau ini dilaksanakan kita turut bimbang ada pihak akan ambil kesempatan perkara remeh dengan cuba menjadikan hakim sebagai sasaran dan ini boleh mengganggu pelaksanaan keadilan akhirnya," katanya.

Jumaat lepas, MPM menghantar memorandum draf Akta Kontem Mahkamah 1999 yang turut menyentuh cadangan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ibrahim berkata pada masa ini asas kesalahan penghinaan mahkamah masih belum jelas dan pandangan MPM itu amat dialu-alukan kerajaan.

-- BERNAMA

RAR zb